

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK  
JALAN TUN ABDUL RAZAK,  
30640 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-501 5000 Faks : 05-527 7273  
portal : <http://jpnperak.moe.gov.my>



Ruj. Kami: JPNPk.SPK.KOKU 600-3/5/14 ( )

Tarikh: 28 Jamadilakhir 1440H

5 Mac 2019

**Pengarah,  
Kolej Matrikulasi Perak.**

**Pengarah,  
Kolej Vokasional seluruh negeri Perak.**

**Pengetua,  
Kolej Tingkatan Enam seluruh negeri Perak.**

**Pengetua / Guru Besar,  
Sekolah seluruh negeri Perak.**

Tuan,

**HEBAHAN PERTANDINGAN OLIMPIAD MATEMATIK KEBANGSAAN (OMK) 2019  
ANJURAN PERSATUAN SAINS DAN MATEMATIK MALAYSIA (PERSAMA)**


Sukacita saya merujuk kepada perkara di atas. Bersama-sama ini dilampirkan surat Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni (BPSS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), KPM.600-14/1/8 Jld. 5 ( ) untuk perhatian dan tindakan tuan selanjutnya.

2. Sehubungan dengan itu, sekolah yang berminat perlu mematuhi semua peraturan yang terkandung dalam pekeliling, surat siaran dan kenyataan media terkini yang sedang berkuatkuasa antaranya:


- 2.1 **SPI Bil. 9/2000 - Panduan Keselamatan Diri Pelajar Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan serta Kegiatan Kokurikulum dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah bagi penglibatan murid.**
- 2.2 **SPI Bil. 5/2018 - Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi aktiviti murid dengan agensi luar.**
- 2.3 **Penglibatan guru perlu dengan sukarela dan tanpa paksaan, tertakluk kepada SPI Bil. 9/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah) atau SPI Bil. 8/2016 (Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah) berhubung peruntukan waktu PdP mengikut jam kredit setahun serta Surat Siaran KPM Bil. 2/2016 (Peringatan Pelaksanaan Bekerja Lima Hari Seminggu).**

*"CINTAILAH BAHASA KITA"*

*(Sila catatkan rujukan pejabat ini apabila berhubung)*



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 4166



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO.: AR 4166

3. Mohon maklumkan butiran ringkas berkaitan penyertaan sekolah tuan melalui e-mel kepada [nurainsham.ab@moe.gov.my](mailto:nurainsham.ab@moe.gov.my) dan [kokurikulum.perak@yahoo.com.my](mailto:kokurikulum.perak@yahoo.com.my) sebelum program berlangsung. Tiada implikasi kewangan terhadap Jabatan Pendidikan Negeri Perak dan Pejabat Pendidikan Daerah.

4. Maklumat lanjut, hubungi urus setia program atau layari laman sesawang OMK <http://persama.org.my> / <http://omk.persama.org.my>.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(HAJI MAT JAAFAR BIN MAT ZAIN, PPT.)**  
**Ketua Sektor,**  
**Sektor Pembangunan Kemanusiaan,**  
**b.p. Pengarah Pendidikan Negeri Perak.**

- s.k.
1. Pengarah Pendidikan Negeri Perak
  2. Pegawai Pendidikan Daerah Seluruh Negeri Perak
  3. Penyelaras Olimpiad Matematik Kebangsaan 2019, Persatuan Sains Dan Matematik Malaysia (Persama)



**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni  
Aras 1, 6 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. :03 88841002  
Faks :03 88841034  
Laman Web :[www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Rujukan Kami : KPM.600-14/1/8 Jld 5 ( )  
Tarikh : 26 Februari 2019  
21 Jamadil Akhir 1440H

Pengarah  
Jabatan Pendidikan Negeri  
(Senarai seperti edaran)



YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

**HEBAHAN PERTANDINGAN OLIMPIAD MATEMATIK KEBANGSAAN (OMK) 2019  
ANJURAN PERSATUAN SAINS DAN MATEMATIK MALAYSIA (PERSAMA)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni (BPSS), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menerima jemputan penyertaan murid-murid sekolah menengah dalam **Pertandingan Olimpiad Matematik Kebangsaan (OMK) 2019** oleh **Persatuan Sains Dan Matematik Malaysia (PERSAMA)**. Pertandingan ini bertujuan mengenalpasti murid-murid yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi dalam bidang matematik. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan, ini merupakan aktiviti tahunan pihak PERSAMA. Pusat penyelarasan OMK adalah di Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Kuala Terengganu, Terengganu.

3. Pertandingan OMK ini adalah terbuka kepada murid sekolah menengah seluruh negara dan akan diadakan pada **20 Julai 2019 (Sabtu) jam 10.00 pagi – 12.30 tengah hari** di beberapa pusat pertandingan seluruh Malaysia. Pendaftaran dan penyertaan sekolah boleh dibuat secara dalam talian melalui laman sesawang **PERSAMA** (<http://persama.org.my>) Seperti biasa, pertandingan ini terdiri daripada **tiga (3) kategori** iaitu;

**Kategori Bongsu (untuk Tingkatan 1 dan 2)**  
**Kategori Muda (untuk Tingkatan 3 dan 4)**  
**Kategori Sulong (untuk Tingkatan 5, 6/ Matrikulasi/ yang setara dengannya)**

4. Sehubungan dengan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan dipohon memaklumkan tentang perkara tersebut ke sekolah-sekolah di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan. Bersama-sama ini disertakan infografik berkaitan pertandingan bagi rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan.

Semoga penyertaan murid-murid dalam pertandingan berkenaan akan melahirkan lebih ramai murid yang berkemahiran dalam bidang matematik.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(ZAKIAL BIN ABAS)**

Pengarah  
Bahagian Pendidikan Sukan dan Seni  
Kementerian Pendidikan Malaysia

ZK/zk

- s.k.
1. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Sektor Operasi Pendidikan)
  2. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
  3. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
  4. YBhg. Prof. Madya Dr. Zabidin Bin Salleh, Penyelaras Olimpiad Matematik Kebangsaan 2018

## SENARAI EDARAN

1. Jabatan Pendidikan Negeri Perlis  
Jalan Tun Abdul Razak,  
01990 Kangar, Perlis.
2. Jabatan Pendidikan Negeri Kedah  
Kompleks Pendidikan,  
Jalan Stadium,  
05604 Alor Star,  
Kedah Darul Aman.
3. Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang  
Jalan Bukit Gambir,  
11700 Pulau Pinang
4. Jabatan Pendidikan Negeri Perak  
Jalan Tun Abdul Razak  
30640 Ipoh  
Perak Darul Ridzuan
5. Jabatan Pendidikan Negeri Selangor  
Jalan Jambu Bol 4/3e,  
Seksyen 4,  
40604 Shah Alam,  
Negeri Selangor Darul Ehsan
6. Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan  
Jalan Dato' Hamzah,  
70990 Seremban,  
Negeri Sembilan Darul Khusus.
7. Jabatan Pendidikan Negeri Melaka  
Jalan Istana,  
75450 Bukit Beruang Melaka,  
Melaka
8. Jabatan Pendidikan Negeri Johor  
Wisma Pendidikan  
Jalan Tun Abdul Razak  
80604 Johor Bahru  
Johor
9. Jabatan Pendidikan Negeri Pahang  
Bandar Indera Mahkota  
25604 Kuantan  
Pahang Darul Makmur

10. Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu  
Jalan Bukit Kecil  
20604 Kuala Terengganu  
Terengganu
11. Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan  
Bandar Baru Tunjong  
16010 Kota Bharu,  
Kelantan
12. Jabatan Pendidikan Negeri Sabah  
Jalan Punat Tanah, 88450 Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia
13. Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak  
Jalan Diplomatik Off Jalan Bako, Petra Jaya,  
93050 Kuching Sarawak
14. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,  
Persiaran Duta, Off Jalan Duta,  
50604 Kuala Lumpur.
15. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan  
Aras 10, Blok 4,  
Kompleks Ujana Kewangan,  
Peti Surat 81097,  
87020 Wilayah Persekutuan Labuan.
16. Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Aras 7, Lobi 2, Blok E2  
Kompleks Kerajaan Persekutuan Parcel E  
62604, Putrajaya